

# CITRA WANITA DARI PURANA DAN EPIK DALAM CERPEN TAMIL MALAYSIA: DARI PERSPEKTIF ARKETAIPAL

## WOMEN CHARACTERS FROM THE PURANAS AND EPICS IN MALAYSIAN TAMIL SHORT STORIES: FROM A ARCHETYPICAL PERSPECTIVE

Ravindaran a/l Maraya<sup>1\*</sup>  
Krishnan Maniam<sup>2</sup>

### Abstract

This study was conducted with a view to assess how women are portrayed in Malaysian Tamil short stories. The Archetype theory was used as a basis for evaluating the work of local short story writers. By applying this theory it is possible to examine how local short story writers apply the characters and roles of women from the puranas and the epics in the production of their stories. Therefore, this article examined to what extent the Indian female archetypes from the puranas and epics are used to portray women in the Malaysian Tamil short stories. Analytical and descriptive methods were used to explore the use of archetypes among local writers. This can provide an insight into the Malaysian Tamil communities' maintainence of the traditional stereotypical images of women and with that the gender norms that it upholds. Consequently, short stories which are written over time can provide a representation of women in a society through the use of diverse archetype characters from the past. An analysis of the characters of women in Tamil short stories today using the Archetype approach prove that there have been efforts at maintaining traditional female roles within the context of social change as can be observed in the images of women as portrayed in Malaysian Tamil short stories.

**Keywords:** Tamil short stories, Archetype, women, puranas and epics

### Pendahuluan

Kesusasteraan Tamil menjadi Medan dimana kebanyakan pengkaji India mengupas keluar aspek – aspek yang terkandung dalam kesusasteraan melalui pelbagai perspektif. Salah satu aspek yang menjadi fokus adalah daripada hasil cerpen. Cerpen Tamil Malaysia adalah salah satu genre yang sentiasa mengalami perubahan mengikut perkembangan daya pemikiran penulis dan juga mengikut peredaran zaman. Perkembangan serta penglibatan wanita dalam kehidupan menjadi asas kepada kemajuan sesuatu bangsa, masyarakat dan juga negara. Dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia, penggambaran citra wanita selalunya sangat menjurus kepada usaha mereka dalam mengekalkan identiti mereka sebagai wanita, isteri, ibu, adik, dan juga talian persaudaraan yang lain.

Pada masa yang sama, dalam beberapa hal, wanita dalam masyarakat India menggunakan perwatakan wanita yang terdapat dalam epik ataupun purana sebagai role model. Oleh yang demikian, watak-watak wanita klasik daripada epik dan purana seperti dalam Mahabaratha, Ramayana, Manimegalai, Silapathigaram akan dibincangkan

agar dapat memberi perhatian yang terperinci terhadap watak wanita berdasarkan arketaip-arketaip yang terdapat dalam cerpen Tamil Malaysia. Pengaplikasian teori ini boleh dilihat melalui beberapa konsep seperti kesucian, kesetiaan, kezahidan dan sebagainya.

Cerpen Tamil yang dihasilkan di Malaysia kini telah menerima pengaruh daripada pelbagai pemikiran yang semakin baharu. Perbezaan yang terdapat dalam cerpen Tamil di Malaysia boleh diketahui jika dibuat perbandingan dengan cerpen Tamil yang dikaryakan di Tamil Nadu, India ataupun dengan cerpen yang ditulis dalam bahasa Tamil dari negara-negara yang lain. Penghasilan cerpen yang sedemikian ini bukan sahaja sekadar sebagai bahan-bahan pembacaan untuk masyarakat Tamil Malaysia, malah juga untuk menunjukkan aspirasi pembangunan serta perubahan sosial dalam kalangan masyarakat Tamil Malaysia. Secara khususnya, artikel ini menggunakan teori sastera dalam menganalisis citra wanita dalam cerpen Tamil di Malaysia bagi mengetahui perubahan minda yang tercetus akibat cerpen Tamil, dengan mengaplikasikan teori yang lebih efektif.

## **Pendekatan Kajian**

Artikel ini menggunakan interpretasi kesusasteraan. Oleh yang demikian, kaedah penyelidikan secara tematik dan deskriptif digunakan untuk mendapatkan maklumat berasaskan teori arketaipal. Kajian dari segi perspektif arketaip menghubungkan pendekatan psikologi dalam aspek kejiwaan watak dan perwatakan dalam pelbagai aspek. Menerusi artikel ini, kita dapat mengetahui dan menyedari tentang pengaruh arketaipal wanita dari epik dan purana dalam menggambarkan citra wanita dalam cerpen-cerpen masyarakat Tamil di Malaysia. Dengan ini pengarang-pengarang cerpen-cerpen ini dapat memastikan watak wanita dalam cerpen Tamil Malaysia menggambar watak-watak wanita yang bersifat arketaipal dalam masyarakat India terutamanya dengan pengaruh dari karya-karya sastera yang berbentuk epik, novel, ritual, puisi, sajak moden sebagai contohnya. Analisis sedemikian dapat membuktikan perubahan yang berlaku terhadap pemaparan citra wanita dalam cerpen Tamil di Malaysia.

## **Definisi Arketaipal**

Pengasas teori arketaip merupakan Carl Gustav Jung (1875 – 1961). Jung merupakan seorang yang terkenal di dalam bidang psikiatri. Teori arketaip merupakan sebuah teori yang berkembang hasil daripada keilmuan dan epistemologi yang ditemui oleh Freud. Menggunakan pendekatan psikologikal seperti teori arketaip dalam karya sastera memudahkan kita untuk mendalami aspek perwatakan atau kejiwaan sesuatu watak. Dengan itu kita akan lebih memahami sesebuah teks yang kita baca. Terdapat juga pengarang yang sengaja masuk ke dalam sanubari dan kesedaran swatak-wataknya. Pendekatan ini juga menganalisis aspek yang menjadi dorongan mengapa pengarang berkarya. Namun demikian, yang penting adalah keinginan untuk memahami sesuatu isu dengan lebih mendalam.

Jung memperkembangkan teorinya yang tersendiri supaya dapat membezakan fikiran beliau dari Freud. Maka, selepas tahun 1919, barulah istilah arketaip telah mula digunakan dan terbentuk sebagai sebuah teori. Mengikut Jung, istilah arketaip merupakan perkembangan manusia daripada zaman kanak-kanak ke zaman remaja, dewasa hingga ke akhir hayat. Ini telah dibincang dalam konteks untuk mendokong konsep-konsep teori tapainduk dalam diri seseorang manusia (David 2001: 19).

Mengikut Wilber Scott dalam buku beliau "*Five Approaches of Literary Criticism*", menjelaskan arketaipal sebagai pencarian makna simbol yang berulang dari ritual serta unsur-unsur tradisi dalam sesebuah karya sastera. Arketaipal ini lebih memberi tumpuan terhadap analisis yang bersifat mengkaji manusia. Mengikut tindak – tanduknya, manusia tidak terlepas daripada mana-mana amalan yang berbentuk budaya dan kesenian serta kesemuanya ini memberi erti kepada sesuatu kaum dan bangsa (1962: 250-252). Kritikan kesusasteraan arketaip adalah sejenis teori kritis yang mentafsirkan teks dengan memberi tumpuan kepada arketaip yang berulang dalam naratif, simbol, imej, dan jenis watak dalam sastera. Sebagai satu bentuk kritikan sastera, corak arketaipal terbaik adalah sebarang simbol dengan asal-usul mendalam dalam mitologi budaya darimana sastera itu dihasilkan.

Kritikan arketaip mempunyai satu hubungan yang erat dengan ilmu psikologi dan antropologi. Pendekatan psikologi ini walaupun telah dipelopori oleh psikoanalisis Freud tetapi pendekatan arketaipal terkesan dan dipengaruhi oleh falsafah Jung. Berhubung dengan itu, boleh dikatakan bahawa pendekatan arketaip adalah lanjutan daripada perkembangan pendekatan kritikan psikologikal.

Mengikut pandangan sejarah, Mana Sikana (2008) mengutarakan kewujudan pendekatan arketaipal ini adalah berpunca daripada teori psikologi Jung. Ia dipengaruhi oleh tokoh-tokoh antropologi seperti James George Frazer, Edward Taylor dan Gilbert Murray yang melihat unsur-unsur legenda, mitos, keagamaan dan sebagainya dalam seni budaya terutamanya sastera masyarakat-masyarakat yang dikaji mereka. Mereka menunjukkan bahawa tradisi memainkan peranan penting dalam sesebuah karya sastera dan telah diabsahkan oleh pembaca yang tertarik dengan unsur-unsur yang dinyatakan tadi. Walaupun karya sastera yang dihasilkan oleh penulis terkemuka gemar dibaca oleh audien tetapi masih sukar untuk difahami dengan terperinci. Oleh demikian maka pendekatan arketaipal telah diwujudkan agar dapat digunakan bagi memudahkan penganalisis bentuk dan corak karya tradisi (2008: 147).

## Watak-watak wanita purana dan epik

### Kannagi

Kannagi merupakan watak penting yang wujud dalam epik *Silapatikaram*. Kannagi juga seorang yang tegas dalam menegakkan keadilan. Ketegasannya boleh dilihat melalui cara dia menuntut keadilan daripada raja dan membuktikan kebenaran di Madurai, India semasa suaminya Kovalan dibunuh. Sifat-sifat yang ada pada Kannagi ini walaupun hanya dihasilkan dalam epik namun demikian, beliau masih dijadikan sebagai ikon kesucian bagi wanita sehingga sekarang. Sebagai tanda kesucian sebuah patung Kannagi dibina pada zaman Raja Chera dan kini terletak di Muzium British di London (Rajamanikam 1951: 72).

Beberapa cerpen Tamil yang dihasilkan oleh pengarang-pengarang cerpen Tamil Malaysia memaparkan sifat Kannagi dalam watak wanita dalam cerpen mereka. Ilavallagu (1988), dalam karyanya menerapkan petikan yang berbunyi "walaupun pelbagai rintangan yang perlu dihadapi tetapi dia tetap menyebelahi suaminya dan menjaga keluarga tanpa bantuan orang lain. Dalam pandangan saya, Kamala boleh disamakan dengan *Kannagi*" (p.92).

Rajeswary (2002) dalam karya *Silambu Thedum Kannagi* memberi gambaran tentang watak Kannagi yang menyebut bahawa, "saya berasal dari tanah air lahirnya *Kannagi*. Saya tidak akan berdiam diri, saya mahu keadilan. Saya akan menjadi seperti Kannagi yang menegakkan keadilan, tetapi kali ini bukan demi suami, malah untuk mendapat hak penjagaan anak-anak saya" (p.53). Dengan ini penulis menerangkan sifat protagonis wanita dalam cerpen beliau yang mengikuti perwatakan watak klasik Kannagi untuk menampilkan sifat yang ingin menuntut keadilan. Dalam ini, penulis menggunakan pendedahan Arketaipal secara langsung dalam menggambarkan watak wanita cerpen hasilnya serta menjelaskan perubahan sosial yang berlaku dalam diri wanita zaman moden yang tidak lagi mengikuti semua kehendak suami malah sanggup berhadapan dengan sebarang masalah yang menyeksa diri mereka.

Cerpen *Antaranggam Avaloodu* (N.Mageswari 1976: 125) merupakan cerpen yang memberi keutamaan kepada kaum lelaki dalam mengambil sebarang keputusan demi kepentingan keluarga dan ini merupakan nilai masyarakat India sejak zaman dahulu. Cerpen ini menggambarkan perasaan seorang isteri sewaktu ditinggalkan oleh suaminya kerana suaminya mengadakan hubungan dengan perempuan lain tanpa bercerai dengannya. Walaupun sudah lama berpisah tetapi dia sanggup menerima balik kepulangan suami dan memaafkan kesilapan suaminya. Mageswari menggambarkan sifat protagonis wanita dalam cerpen beliau seperti watak Kannagi yang menerima balik Kovalan yang meninggalkan Kannagi untuk tinggal bersama dengan Mathavi untuk satu jangkamasa yang panjang. Kovalan pulang ke pangkuan isterinya Kannagi setelah jatuh sakit. Mageswari mengaitkan sifat bermaafan protagonis wanita dalam cerpen beliau untuk menampilkan asas kewanitaan Kannagi yang mampu mengampunkan suaminya yang sakit tenat walaupun suaminya telah melakukan kesilapan terhadap diri Kannagi.

### Sita Dewi

Watak Sita Dewi menjadi lambang kesucian dalam epik *Ramayana*. Perwatakan Sita dalam karya ini menampilkan ciri-ciri seorang wanita dalam menjalankan tanggungjawabnya dalam menjaga dan menyediakan kehendak suami. Kehidupan Sita dalam karya ini menunjukkan bahawa walaupun wanita diberi kedudukan yang sama taraf dengan lelaki, tetapi dalam hal kesucian sama ada dari segi kesucian fikiran ataupun perasaan, mereka masih diletakan pada tahap yang lebih rendah kerana terpaksa mendukung tanggungjawab yang berat dalam membuktikan kesucian dirinya. Keutamaan diberikan untuk memenuhi kehendak suami agar kebajikan suami sentiasa dijaga dengan baik.

Ini adalah disebabkan rasa hormat wanita terhadap suami mereka walau dalam apa jua situasi dan jalan keluar dari perangkap ini adalah dengan kematian.

Dalam cerpen *Baakki* watak wanita ditampilkan sebagai sebuah mesin yang sentiasa bertungkus-lumus demi keperluan keluarga sepanjang hari. "Setelah menoreh getah, mengandar tong susu getah ke stor susu, serta menjunjung ranting kayu untuk kegunaan dapur, selepas itu membawa balik anak-anak dari pusat penjagaan kanak-kanak dan menyediakan makan untuk keluarga, lalu halaman rumah disapu dan dibersihkan, sementara suaminya Govindan pula sedang mandi" (Elanchelvan 1999: 186 -187). Penyataan ini menggambarkan bagaimana seorang isteri menjalankan tugasnya dalam organisasi keluarga sedangkan dia juga pergi bekerja sama seperti suaminya dan pulang pada waktu petang, tetapi kerjanya masih belum selesai. Ini menunjukkan sebagai wanita mereka dipertanggungjawabkan untuk menjaga keperluan keluarga dalam apa jua keadaan walaupun ia merupakan sesuatu yang yang tidak adil kerana mereka memberi keutamaan kepada suami. Ini boleh disamakan dengan layanan yang diterima oleh Sita daripada Rama, walaupun dianggap sebagai tidak adil, Sita sanggup mengharungi pelbagai dugaan dan ujian.

Dalam cerpen ini juga, penulis menunjukkan bagaimana seorang isteri semata-mata hidup untuk memenuhi keperluan keluarga sahaja malah tidak mengharapkan sebarang perasaan timbangrasa serta balasan untuk dirinya daripada keluarga dan suami. Ini dipaparkan melalui ayat-ayat berikut, "setelah siap mencuci kesemua bekas makanan yang digunakan, membersihkan makanan yang bertaburan dan memastikan kesemua pintu dikuncikan, akhirnya Theivanai bersantai atas tikar dengan harapan boleh berehat lima hingga enam jam sebelum bersiap untuk kerja pada hari esok. Pada waktu itulah Govindhan yang tidur bersebelahan mula mengusik Theivanai demi kepentingan nafsunya. Dengan penuh ketiduran dan kepenatan dia pun sanggup memenuhi keinginan suaminya dengan berbisik 'mmm...hal ini ada baki lagi untuk disempurnakan". (Elanchelvan 1999: 189)

Dengan ini boleh diketahui, kebanyakan wanita langsung tidak mempedulikan keperluan dan kebahagiaan mereka sendiri malah mengorbankan diri demi kepentingan orang lain. Sebagai isteri mereka sanggup menjalankan tugas sebagai isteri dan ibu dan tidak menyuarakan langsung hak mereka bahawa mereka juga mengharapkan sokongan daripada pihak suami serta memerlukan rehat bagi menjaga kesihatan mereka. Namun bagi tanggapan kaum lelaki, segala kerja rumah telah ditakdirkan kepada pihak wanita dan ini adalah wajib dalam masyarakat India. Hal ini dikatakan sebagai sifat watak Sita Dewi yang hidup demi kebahagiaan suaminya semata-mata, merupakan simbol wanita suci yang masih hidup dalam sanubari wanita India pada zaman ini. Simbol ini masih digunakan dalam cerpen-cerpen Tamil sebagaimana yang dijangkakan dalam sistem nilai masyarakat tradisional.

Selain itu, dalam cerpen *Suulalodu Serum Malarkal* penulis membawa keluar satu lagi watak utama yang dinyatakan *akka* atau kakak (tidak diberi nama panggilan) sebagai watak anak gadis yang hidup dalam suasana keluarga yang terikat kepada amalan tradisi masyarakat India. Ibu bapanya pula memaksa *akka* untuk berkahwin secepat mungkin. Penulis menggunakan teknik dramatik bagi memperkenalkan watak tersebut. Gambarnya berbunyi, "Kenapa kamu menangis seperti ini. Semua gadis muda perlu berkahwin suatu hari nanti dan kamu perlu berani menghadapi perkara ini. Ini bukan satu perkara yang luar biasa. Kamu pula jangan menangis teresak-esak seperti Sita Dewi yang mengembara dengan Sri Rama di hutan selama 14 tahun" (Paavai 1986: 104). Cara penulis membuat perbandingan terhadap *akka* yang menangis dengan tersedu-sedan dengan watak Sita Dewi menjelaskan kepada kita bahawa penulis cerpen ini menggunakan pendedahan arketaipal dalam penulisan mereka bagi memudahkan para audien atau pembaca untuk memahami bahawa realiti kehidupan watak-watak klasik masih mempunyai hubung kait yang relevan dengan kehidupan manusia zaman kini. Hubungan ini merupakan satu landasan yang tidak dapat dielakkan dalam oleh mana-mana individu.

Cerpen M.A Elanchelvan (1999), *Vithiyasemana Oruthi* mengisahkan perwatakan seorang wanita muda yang bertentangan dengan konsep kesucian yang menjadi amalan turun-temurun masyarakat India. Dalam cerpen ini, wanita yang lahir dalam keluarga yang serba kemewahan berjumpa dengan doktor kerana hamil sebelum berkahwin dan mahu membuat pengguguran kandungan. Pada masa itu, wanita tersebut menjelaskan kepada doktor bahawa menggugurkan anak sebelum berkahwin adalah satu perkara yang harus diambil secara ringan dan tidak perlu dirisaukan. Padahal, isu kesucian seseorang wanita tidak perlu diperbesarkan, asalkan setia terhadap suami selepas berkahwin. Sedangkan kesetiaan terhadap suami dipentingkan, namun kehilangan kesucian sebelum berkahwin dan mengadakan hubungan dengan lelaki lain masih tidak dapat diterima dalam kalangan masyarakat India. Corak kehidupan Kannagi dan Sita Dewi sebelum dan selepas berkahwin menjadikan mereka lambang kesucian, tetapi konsep tersebut tidak lagi dapat dilihat dalam segelintir wanita zaman sekarang yang mengamalkan pergaulan bebas.

Menurut P. Govindasamy, beliau menggambarkan watak sampingan Malar dengan penyataan seperti, 'setelah dua kali tangan Yue Lee bersentuhan dengan paha Malar dengan niat yang tidak baik tetapi Malar masih berdiam diri kerana dia adalah tetamu khas Ah Meng bos ayahnya Singgaram. Namun, pada kali ketiga Malar tidak teragak-

agak untuk menampar Yue Lee. Walaupun situasi berikut membawa kekecohan dalam jamuan makanan, tetapi Ah Meng menyokong tindakan Malar dan menumbuk Yue Lee sekali lagi sebagai amaran yang menjelaskan bahawa Malar adalah seperti anaknya sendiri' (2002: 113). Dalam hal ini, petikan tersebut menggambarkan Malar, yang hanya dibawa sebagai watak sampingan dalam cerpen ini, tetapi direkakan sebagai seorang wanita yang berani serta tidak teragak menjaga kesuciannya. Dia tidak segan untuk menunjukkan perasaan marahnya di khalayak semua orang walaupun Malar sedar Yue Lee ialah pelanggan baru Ah Meng yang datang untuk membuka peluang perniagaan kepada bosnya. Situasi ini menjadi sama dengan tindakan Sita Dewi yang tegas menentang Rawana yang menculik dan cuba bertindak tidak senonoh dengannya.

Dalam *Mahabaratha* watak Draupathi atau dipanggil sebagai 'Panjali' dikatakan sebagai isteri kepada lima orang suami (Pandawa) dalam purana ini. Walaupun di dalam zaman moden ini, konsep berkahwin lebih daripada seorang lelaki merupakan satu kegiatan yang tidak sah tetapi sebelum wujudnya konsep kesucian mengikut keperibadian seseorang wanita dari segi fizikal dan mental, berkahwin lebih daripada seorang lelaki dianggap sah dan dipersetujui dengan syarat mereka hidup dengan penuh bersopan. Dalam hal ini memang Draupathi dipuji sebagai *Karpukarasi* atau Dewi Kesucian.

A.S. Jiwananthan (1994) dalam cerpennya membandingkan watak klasik Draupathi yang dipanggil sebagai *Karpukarasi* dengan realiti sebenar kehidupan wanita dalam keadaan sosial zaman sekarang. Beliau dalam karnyanya menyatakan bahawa, "saya tidak boleh berkahwin dengan kamu sebab saya tidak mencintai kamu. Saya sudah berkahwin dan mempunyai tiga orang anak. Saya dan suami saya sangat menyayangi anak-anak kami dan kami juga telah membina satu rumahtangga yang bahagia. Saya tidak sanggup meninggalkan keluarga saya walaupun suamiku dalam keadaan tenat. Saya mencintainya dengan sepenuh hati tetapi dia tidak dapat memenuhi kehendak diriku. Saya mendampingi diri anda untuk memenuhi kehendak nafsuku sahaja dan bukannya untuk berkahwin dengan diri anda" (pg.106). Petikan menjelaskan perwatakan seorang watak wanita yang sudah berumahtangga dalam cerpen ini. Pergaulannya dengan watak utama (watak lelaki yang tidak diberi nama panggilan) menunjukkan perhubungan wanita yang hidup dalam zaman serba moden dengan golongan lelaki. Perhubungan watak wanita yang bergaul rapat dengan watak utama dalam cerpen ini menyebabkan dia sanggup mendampinginya semata-mata bagi memuaskan keperluan nafsu yang terkandung dalam dirinya akibat daripada keadaan si suami yang hilang keupayaan untuk memuaskan keperluan si isteri. Ini menyebabkan si isteri mula mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain.

Situasi sebegini kian berlaku dalam kalangan golongan wanita bandar, kerana mereka sanggup bergaul dengan ramai lelaki asalkan kebahagiaan keluarga tidak terganggu. Dalam cerpen ini penulis dapat membandingkan watak Draupathi yang berkahwin dengan kumpulan Pandawa (terdiri daripada lima orang adik-beradik) dan dapat menjalankan satu kehidupan yang sopan dengan kelima-lima suaminya, dan membahagikan kesetiannya dengan mereka serta dipanggil *karpukarasi* tetapi keadaan ini berbeza sedikit dengan corak kehidupan wanita zaman sekarang yang mengadakan hubungan sulit dengan lelaki lain tetapi si suami tetap dicintai dan dikenang sebagai tanda kesetiaan mereka.

Perwatakan Kannagi, Sita Dewi dan Draupathi dijadikan sebagai teladan dalam kehidupan wanita terutamanya dalam aspek kesucian. Pembangunan yang pesat telah menyebabkan wanita zaman kini lebih bergerak ke arah kehidupan moden kerana terpengaruh dengan perubahan zaman. Dalam kehidupan moden golongan wanita juga ingin mendapatkan segala kebebasan seperti lelaki dari segi pergaulan sosial. Dalam hal ini, ada juga wanita yang sanggup mengadakan hubungan intim dengan lelaki lain dan mereka menganggap ini sebagai satu kebebasan bagi mereka. Bagi mereka *karpukarasi* atau kesucian bukanlah satu perkara yang serius yang perlu diberi perhatian walaupun ia menjadi identiti kepada kaum wanita India.

## Kezahidan

Dalam kesusasteraan India ada juga wanita yang tidak mementingkan hal keduniaan dalam kehidupan mereka. Mereka menaqluki kezahidan atas sebab-sebab tertentu yang berlaku dalam kehidupan seharian mereka seperti masalah keluarga, dan perubahan yang berlaku di dunia sekeliling dan sebagainya. Penglibatan mereka dalam alam kezahidan bukan sekadar membawa manfaat kepada diri sendiri malah mereka menjadi wanita yang patut dicontohi.

Manimegalai boleh dikatakan watak arketaipal yang dipilih sebagai heroin dalam karya epik atau '*Kaaviyatalaivoi*' dalam epik *Manimegalai*. Anak kepada Kovalan dan Mathavi, sejak kecil lagi Manimegalai dididik dengan penuh dedikasi dalam hal keagamaan dan diberi pendedahan tentang hal kezahidan oleh ibunya. Manimegalai mempunyai sifat pemaaf dan mahu menolong terhadap mereka yang membuat kejahatan. Rajamanikam melalui karangannya

bertajuk 'Feminisme dalam Manimegalai' menyatakan 'kejelitaan, keayuaan Manimegalai memukau apabila terpancang malah Dewa Asmara juga akan tersangkut' (2000: 80). Sebagai wanita tradisi, walaupun dilahirkan di dalam keluarga bertaraf rendah tetapi Manimegalai menjalankan kehidupannya dengan penuh sopan dan santun. Pemelukannya dalam agama Buddha, menyebabkan epik ini terbentuk sebagai epik pemulihan dalam membanteras segala keburukan dan kejahatan.

Dalam menjelaskan pengaruh watak Manimegalai dalam kehidupan wanita masyarakat India, *Oru Nirvanamana Manam* cerpen hasil tulisan A.S. Jiwananthan adalah cerpen yang menerangkan teori Arketaipal dalam bentuk secara tidak langsung. Cerita ini mengisahkan keadaan seorang isteri yang tidak lagi berkeinginan untuk menyambung kehidupan rumahtangga malah ingin bercerai daripada suami yang menganiainya dan menjalankan kehidupan sebagai seorang balu (memakai sari berwarna putih) walaupun suaminya masih hidup. Ini mengimbangkan kita semula kepada perwatakan Manimegalai dalam karya epik Manimegalai. Heroin atau watak wanita dalam cerpen tersebut menerima hakikat dirinya sebagai balu dengan alasan:

"ini adalah keputusan yang diingini oleh diri saya sendiri, dan ini juga satu pengorbanan saya terhadap percintaan kita. Dalam hubungan rumah tangga kita, saya sentiasa menghiaskan diri bagi menjaga hati anda dengan penuh kasih sayang tetapi kini saya menjalankan kehidupan bersendirian dengan kenangan anda. Tanpa bunga malai rambutku yang mayang berurai kekosongan, tanpa *poddu* dahiku juga kekosongan, tanpa corak yang berwarna-warni bukan sahaja sariku kelihatan kosong malah jiwaku juga..."  
(A.S. Jiwananthan 1974: 24)

Dalam hal ini, suami tidak mengekalkan kesetiaan dengan isterinya lalu mengahwini wanita lain tetapi isteri kekal setia selama-lamanya terhadap percintaan dengan suaminya. Walaupun hubungan mereka terputus namun wanita ini sentiasa menjaga maruah dirinya dari segi kesetiaan lalu menjejaki langkahnya terhadap kezahidan seperti Manimegalai kerana dia tidak mahu dirinya dipandang serong oleh masyarakat. Ini menunjukkan bahawa, zaman moden ini boleh membawa banyak perubahan dalam kehidupan kita tetapi golongan wanita masih mengekalkan identiti mereka sebagai wanita tradisi dan masih lagi terkongkong dengan perwatakan atau sifat mereka yang ingin menjaga maruah mereka.

Lantaran itu, N. Mageswary turut mengkaryakan cerpen *Charanalaya* yang menggambarkan perwatakan Manimegalai dalam bentuk watak utama cerpen ini iaitu Indra. Beliau menerapkan ayat yang menyatakan bahawa "kamu ini hidup dalam dunia kezahidan" (2010: 54). Indra yang mengalami tekanan kehidupan mula mengelak segala kebahagiaan di dalam kehidupannya dan menjalankan kehidupan secara bersendirian, sederhana dan tanpa kemewahan. Kehidupan ini mengingatkan kita tentang perwatakan Manimegalai yang sanggup meninggalkan alam keduniaan sewaktu menghadapi perpisahan dengan putera Uthayakumar dan menganut agama Buddha demi ketenangan hati.

## Sifat Keibuan

Sifat keibuan memang wujud secara semulajadi di kalangan wanita sama ada wanita yang berumur atau wanita yang telah bersuami. Sifat-sifat keibuan atau kewanitaan ini menyebabkan seorang wanita memberi segala tunjuk ajar dan bimbingan kepada anak-anak mereka serta membentuk keperibadian diri mereka. Dalam hal ini, wujudnya watak yang menunjukkan sifat keibuan dan menjadi watak arketaipal dalam kesusasteraan India.

Bagi menjelaskan sifat keibuan watak klasik Kunti digambarkan di dalam epik *Mahabharata*. Sifat keibuan Kunti mula diperbesarkan setelah dia melahirkan lima orang anak lelaki iaitu Dharma, Beema, Arjuna, Nagula dan Sagatheva. Kelima putera Pandu tersebut dikenal dengan nama 'Panca Pandawa'.

Merujuk pada isu ini, cerpen hasil penulisan Mogan Kumar, *Neenge Nalla Irukenum* mengisahkan kerisauan dan kesedihan seorang ibu dalam menyelamatkan nyawa anaknya. Setelah anaknya yang cedera parah diselamatkan oleh Dr. Parthiban, maka sebagai membalas budi ibunya meluahkan perasaan dengan mengatakan bahawa, "Tuan, kamu juga seperti anak saya, semoga anda hidup bahagia seumur hidup, tolong selamatkan anak saya" (1993: 32). Setelah Dr.Parthiban menjelaskan bahawa anaknya telah dapat diselamatkan, ibu tua itu terus menangis sambil bersujud pada kaki doktor dan mengucapkan terima kasih kepadanya. Keadaan ini mengingatkan kita kepada sifat Kunti Dewi dalam Mahabharata yang meminta tolong daripada Karna sambil menangis untuk tidak mengapa-apakan kumpulan Pandawa yang juga dikatakan sebagai adik-adik Karna dalam peperangan Kurukshetra. Selepas Karna

bersetuju dengan permintaan ibunya, Kunti pun mengucapkan terima kasih atas pengorbanan Karna. Keadaan yang sama dipertimbangkan dalam cerpen ini sewaktu ibu pesakit tersebut mengucap terima kasih terhadap pengorbanan Dr. Parthiban yang sanggup berada di hospital untuk menyelamatkan nyawa anaknya yang tenat.

Genre cerpen juga lebih memberi perhatian terhadap tema yang mengutamakan pengorbanan seorang ibu dalam membesarkan anak mereka. Paari dalam cerpen *Satu Ringgit* mengisahkan perwatakan seorang ibu yang serba kekurangan dalam usaha memberikan ilmu kepada anaknya agar dapat menjadikan anak tersebut menjadi seorang pendidik. Kalyani seorang ibu tunggal yang tinggal di kawasan perladangan menabur benih keilmuan dalam hati anak bongsunya, Arun agar dia dapat menikmati kehidupan yang serba baik setelah menjadi besar kelak. Oleh itu, dia memastikan anaknya Arun sentiasa memberi perhatian yang sepenuh dalam pelajarannya tanpa sebarang halangan. Kalyani dalam hatinya berharap bahawa, "...ini adalah tahun akhir Arun belajar. Jika dia dapat belajar dengan bersungguh, maka dia akan mendapat satu pekerjaan yang baik. Dia tidak perlu menjaga saya, malah sudah cukupnya dia dapat hidup bahagia dengan anak dan isteri dia" (1974: 41).

Tanggapan Kalyani menunjukkan pengorbanan seorang ibu dalam proses membesarkan anak dalam satu situasi yang terdesak seperti yang dia alami, apalagi dalam keadaan ketiadaan suaminya. Ini menunjukkan usaha dan penderitaan seorang ibu dalam memastikan anak-anak mereka sentiasa hidup bahagia dan bukannya bersusah seperti mereka. Bagi masyarakat India, keadaan ini sentiasa dijadikan sebagai batu lonjatan untuk memastikan anak-anak mereka tidak tersilap haluan. Situasi ibu ini boleh disamakan dengan kematangan Kunti Dewi yang membesarkan anak-anaknya iaitu kumpulan Pandawa selepas kemangkatan Raja Pandu dan membesarkan mereka sebagai warga yang berpengetahuan dalam kesemua bidang kesenian dan pertahanan.

Selain itu, cerpen yang dihasilkan oleh penulis Paavai *Ethirpaarpukal* (1986) adalah salah satu cerpen yang turut mengisahkan pengorbanan ibu bukan sahaja dalam usaha membesarkan mereka, malah dalam memenuhi segala permintaan mereka agar mereka tidak kecewa. Hal sebegini telah menjadi asas dalam keluarga masyarakat India di mana ibu bapa sanggup memenuhi segala permintaan anak-anak tanpa mengharap balasan. Dalam cerpen ini, Meenachi seorang ibu tunggal membesarkan tiga orang anak lelaki dengan menjual kuih-muih dengan harapan anak-anaknya dapat berjaya dalam kehidupan, dan akan menjaganya dengan baik. Dengan titik peluh serta dedikasinya dia mampu mengumpul wang dan Meenachi berjaya menghantar dua orang anaknya sehingga ke universiti. Ini adalah satu sifat yang ada dalam wanita dan mereka memikul tanggungjawab menjaga keluarga setelah kehilangan suami. Situasi ini bersamaan dengan karya epik Mahabaratha, watak Kunti Dewi yang kehilangan suaminya Raja Pandu telah membesarkan kelima-lima orang anaknya dengan baik, dan sebagai balasan mereka menjaga ibu mereka.

Dalam menggambarkan sifat keibuan dari satu situasi yang lain, penulis terkemuka N. Mageswary menghasilkan cerpen *Naan Azhugiren* dalam usaha untuk menggambarkan realiti kehidupan wanita yang menderita dengan masalah kemandulan. Watak wanita (nama tidak dinyatakan) dalam cerpen ini ditonjolkan sebagai wanita yang sudah lama berumahtangga tetapi masih tidak mempunyai cahaya mata. Hal ini menyebabkan, orang ramai mula memandang rendah terhadapnya dengan alasan dia tidak mencapai status seorang ibu dan tekanan yang berlebihan ini menyebabkan dirinya terasing daripada masyarakat. Namun begitu, wanita tersebut masih berharap pada Tuhan yang suatu hari dia akan dikurniakan juga dengan seorang anak dan akan mencapai status ibu.

Perkara sebegini menjelaskan perwatakan seseorang wanita di dalam masyarakat India yang sentiasa mengharap dirinya tidak terkecuali daripada menjadi seorang ibu dengan melahirkan anak. Diri wanita dalam cerpen ini walaupun pada awalnya penulis mengutarakannya sebagai seorang wanita yang mandul tetapi di akhir cerita beliau menimbulkan rasa semangat dalam diri wanita tersebut dimana beliau ingin mengambil anak angkat tetapi tidak berjaya dalam usaha tersebut dan beliau bertekad akan berusaha untuk melahirkan anak. Kenyataan ini dijelaskan melalui petikan tersebut:

'...entah apa dosa yang saya melakukan sehingga Tuhan menghukum sayadengan cara begini. Pengemis wanita pula melahirkan anak dan membiarkan anak berusia dua tahun ini mengemis ditepi jalan. Tidak mengerti langsung untuk menjaga anak sendiri. Walaupun saya bertanya untuk menjadikan anak itu sebagai anak angkat tetapi dia tidak mengendahkan permintaan saya. Harap saya juga akan dapat melahirkan anak dengan kerahmatan Tuhan dan menjaganya dengan baik...'  
(N. Mageswary 1976: 115 )

Ini jelas menunjukkan tekanan yang dihadapi wanita dalam menjadi seorang ibu dalam masyarakat India. Sekiranya wanita tidak dapat melahirkan anak maka masyarakat memandang rendah terhadap wanita ini. Penulis

turut menggambarkan keadaan seorang pengemis wanita yang membiarkan anaknya yang berusia dua tahun turut mengemis dengannya di tepi jalan. Ini mengingatkan pembaca walau apapun keadaan, seorang ibu akan memastikan anaknya sentiasa bersama dengannya walaupun dalam keadaan serba kekurangan. Di sini, penulis cuba membandingkan watak arketaipal Kunti dengan pengemis kerana Kunti membuang anaknya Karna tetapi pengemis itu tidak mahu dipisahkan daripada anaknya walaupun dalam keadaan yang serba miskin. Karna adalah anak Surya dan Kunti, yang dilahirkan oleh Kunti sebelum perkahwinannya dengan Pandu. Takut digelar ibu yang belum berkahwin dan mempunyai anak lelaki yang tidak sah, Kunti meletakkan bayi itu di dalam sebuah bakul dan menghanyutkan bayi itu di atas sungai. Keadaan ini menunjukkan perubahan perwatakan di kalangan wanita zaman kini yang tidak lagi dikawal dengan pemikiran kolot seperti zaman dahulu asalkan anak mereka mendapat kasih sayang seorang ibu.

Pemikiran wanita dalam cerpen sebegini menunjukkan pengorbanan dan peranan mereka dalam kehidupan sosial serta tanggungjawab mereka sebagai ibu. Peranan ibu sangat penting dalam mendidik anak-anak agar mereka tidak tersilap haluan. Watak yang mempunyai sifat keibuan adalah watak arketaipal yang sentiasa terkandung dalam perwatakan seseorang wanita dalam cerpen Tamil Malaysia. Dalam hal ini Kunti Dewi yang wujud sebagai watak klasik dalam epik Mahabaratha sentiasa dikenang sebagai watak arketaipal yang tiada tolak bandingan dalam gambaran sifat keibuan di kalangan masyarakat India terhadap lima orang anaknya (Pandawa) dengan Raja Pandu tetapi dianggap sebagai berlaku tidak adil terhadap seorang lagi anaknya Karna.

## Kesimpulan

Watak-watak dalam kesusasteraan epik dan purana masih memainkan peranan penting dalam membentuk perwatakan wanita zaman moden ini. Penulis cerpen Tamil di Malaysia yang memahami corak kehidupan masyarakat India dengan menggunakan elemen-elemen dari watak-watak epik dan purana agar dapat menghasilkan watak-watak wanita yang berkonsepkan arketaipal. Dengan itu mereka dapat mengekalkan pengaruh daripada watak-watak klasik dalam pemaparan mereka mengenai watak-watak wanita dalam usaha menggambarkan citra atau imej wanita dalam cerpen mereka. Pada masa yang sama, penulis cerpen tempatan yang meneliti perubahan yang dialami kaum wanita dan memahami ciri-ciri kehidupan wanita moden. Tetapi penulis-penulis ini masih menghasilkan perwatakan wanita yang disandarkan dengan simbol-simbol arketaipal India sejak turun-temurun. Pergolakan dalam kehidupan menjadikan wanita tabah dan yakin terhadap diri sendiri dalam menuju kehidupan yang setaraf dengan lelaki. Secara keseluruhannya, setiap wanita dipengaruhi oleh perwatakan nenek moyang dalam jiwa mereka. Pengaplikasian teori arketaipal dalam cerpen secara analitikal dan diskriptif oleh pengarang menunjukkan bahawa masih terdapat pengaruh daripada watak-watak kesusasteraan klasik India dalam gambaran perwatakan di kalangan wanita zaman kini dalam cerpen-cerpen Tamil ini. Pemeliharaan tradisi belaku serentak dengan pembebasan diri daripadanya melalui penggunaan arketaipal wanita klasik dalam cerpen-cerpen Tamil ini. Ideologi patriarki masih mempengaruhi para penulis. Ideologi diterapkan dengan penggunaan arketaipal dan ia mencerminkan realiti yang juga merupakan nilai-nilai yang didukung dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia yang dianalisis dalam artikel ini.

## Notes

<sup>1</sup> Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: ravindaran.maraya@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

## Rujukan

- Ilavallagu Iyappan. (1988). *Sanggu Suddalum Venmai Tharum. Antologi Cerpen Ke-3*. Persatuan Bahasa Tamil, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Elanchelvan Manikam. (1999). *M.A. Ilanchelvan Cirukataikal*. Chennai: Mithra Publications.
- Govindasamy Palanisamy. (2002). *Kozhip Pannai*. Antologi Cerpen Ke-17. Persatuan Bahasa Tamil, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Jiwananthan Arumainathan. (1994). *Neruppu Pukkal*. Unit Bahasa Tamil, Kuala Lumpur: Maktab Perguruan Seri Kota.



- 
- \_\_\_\_\_. (1974). *Oru Nirvanamana Manam*. Pavun Parisu Kathaigal. Kuala Lumpur: Tamil Nesan Sdn. Bhd.
- Macey, David. (2001). *Archetypes: A Natural History of the Self*. London: Routledge & Kegan Paul.
- Mageswary Nadesan. (1976). *Antaranggam Avaloodu*. Kuala Lumpur: Tamil Nesan Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. (1976). *Naan Azhugiren*. Kuala Lumpur: Tamil Nesan Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Ninaivugal Sumanthapadi*. Kuala Lumpur: Visal Print Service.
- \_\_\_\_\_. (2010). *Charanalaya*. Antologi Cerpen Ke-24. Persatuan Bahasa Tamil, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mana Sikana. (2008). *Teori Sastera Kontemporari*. Bangi: Penerbitan Pustaka Karya.
- Mogan Kumar. (1993). *Neenge Nalla Irukenum*. Kalaikinre Karu Meganggal, Kuala Lumpur: Jeya Bakthi.
- Paari @ Virasinggam Ramasamy. (1974). *Satu Ringgit*. Pavun Parisu Kathaigal. Kuala Lumpur: Tamil Nesan Sdn. Bhd.
- Paavai Chantiran. 1986. *Suulalodu Serum Malarkal*. Nyana Pookal. Bukit Mertajam: Barath Printing.
- \_\_\_\_\_. (1986). *Ethirpaarpukal*. Nyana Pookal. Bukit Mertajam: Barath Printing.
- Rajamanikam Maruthu. (2000). *Feminisme dalam Manimegalai*. Mupperum Kaapiyam - Manimegalai Aaraich. Chennai: South India Sittanantam Kalagam.
- \_\_\_\_\_. (1951). *Silapathigaram Kaatci*. Kolej Vivekananda, Chennai: Educational Publication.
- Rajeswary Rajamanikam. (2002). *Silambu Thedum Kannagi*. Antologi Cerpen Ke-17. Persatuan Bahasa Tamil, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Wilber Scott. (1962). *Five Approaches of Literary Criticism*. London: Routledge.